

amaze

Pendidikan Seksualiti Rancangan Pengajaran

APA ITU
BULI?



amaze

Advocates
for Youth

Rights. Respect. Responsibility.

unesco

UNFPA



MENGENAI PEMBELAJARANINI



Pelan pembelajaran ini adalah salah satu daripada 9 pelan pembelajaran individu yang disediakan secara berskrip untuk menyokong pelaksanaan Pendidikan Seksualiti Komprehensif (CSE) sama ada dalam atau luar sekolah di Asia Tenggara. Pelan pembelajaran berskrip ini direka untuk mengintegrasikan penggunaan video pendidikan AMAZE yang membincangkan topik dalam pelan pembelajaran dan boleh digunakan untuk melengkapkan pelan pembelajaran atau sumber sedia ada yang mungkin sudah anda gunakan dalam pelaksanaan CSE.

Pada asasnya, pembelajaran mengenai mana-mana topik CSE tertentu harus memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan, mengaplikasikan, dan mempraktikkan pembelajaran dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam pelan pembelajaran ini, kami hanya menyenaraikan beberapa hasil pembelajaran utama sebagai contoh. Kami mengambil kira bahawa satu pelajaran sahaja selalunya tidak mencukupi untuk mencapai penguasaan sepenuhnya terhadap mana-mana hasil pembelajaran atau merangkumi lebih daripada satu bidang pelajaran secara menyeluruh. Pendidik digalakkan untuk menjadualkan dan melaksanakan pembelajaran susulan yang memperkuuh hasil pembelajaran topik CSE. Pendidik juga digalakkan untuk memanfaatkan peluang lain sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang membolehkan pelajar merenung sikap, mempraktikkan kemahiran dan memperkuuh pembelajaran.



(CC BY-SA 4.0)

© 2023, Amaze (I) LLC.
Some Rights Reserved

amaze

APA ITU BULI?

amaze Pendidikan Seksualiti Rancangan Pengajaran

Panduan Teknikal Antarabangsa mengenai Penyelarasan Pendidikan Seksualiti

Konsep Utama 1: Hubungan

- Topik 1.3: Toleransi, Inklusiviti dan Hormat, umur 9-12

Konsep Utama 4: Keganasan dan Keselamatan

- Topik 4.1: Keganasan, umur 9-12

Pengetahuan Sedia Ada Murid

Pelajar telah mempelajari perbezaan jenis keganasan dan setiap manusia adalah unik dan berharga.

Sasaran Umur

Darjah 4 - Tingkatan 2 (Anggaran umur 10-14)

Masa


45 minit

PERSEDIAAN GURU:

- Akses dan pratonton video "Apa Itu Buli" untuk membiasakan diri dengan kandungannya. Jika anda tidak biasa dengan topik buli, pertimbangkan untuk meneliti laporan **Behind the Numbers: Ending School Violence and Bullying** oleh UNESCO untuk bacaan lanjut.
- Melakukan ujian dengan memainkan video agar video tersedia untuk ditonton semasa pembelajaran, sama ada telah dijajarkan dari awal (untuk mengelakkan iklan) di Youtube, dari **senarai main AMAZE**, atau versi yang dimuat turun. Gunakan fungsi **Youtube Playback Speed** untuk selaraskan kelajuan video sesuai dengan pelajar anda.
- Membuat salinan Lembaran Kerja Pelajar: Contoh Buli - satu salinan untuk setiap kumpulan 3-4 pelajar.
- Sediacan salinan Lembaran Kerja Pelajar: Buli - satu salinan untuk setiap pelajar.

BAHAN-BAHAN YANG DIPERLUKAN:

- Komputer dengan capaian Internet dan pembesar suara
- Projektor LCD dan skrin
- Pautan video: <https://rb.gy/5u1mg0>
- Kapur dan papan hitam
- Lembaran Kerja Pelajar: Contoh Buli
- Lembaran Kerja Pelajar: Buli



OBJEKTIF PEMBELAJARAN:

Di akhir pengajaran ini, pelajar dapat:

1. **Mendefinisikan buli.** (Pengetahuan)
2. **Menerangkan pelbagai jenis buli.** (Pengetahuan)
3. **Menyenaraikan sekurang-kurangnya dua cara untuk respons terhadap buli.** (Pengetahuan)
4. **Mengetahui bahawa buli adalah menyakitkan.** (Sikap)



Nota untuk Guru: Pelajaran ini mungkin mencetuskan trauma kepada pelajar yang sedang atau pernah menjadi mangsa buli. Pastikan pelajar tahu bahawa mereka boleh bercakap dengan anda secara peribadi selepas kelas jika mereka mahu dan bersedia untuk merujuk mereka kepada kaunselor atau perkhidmatan kesihatan jika diperlukan. Bersedia untuk menangani pelajar yang mungkin mula mendedahkan pengalaman peribadi mereka mengenai buli semasa pelajaran atau menunjuk individu yang dianggap sebagai pelaku dengan mengakui apa yang mereka kongsikan dan memaklumkan bahawa mereka boleh membincangkannya dengan anda selepas kelas.

APA ITU BULI?

amaze Pendidikan Seksualiti
Rancangan Pengajaran

PROSEDUR:

Langkah 1

Terangkan bahawa anda tahu ramai pelajar mungkin sudah mengetahui sesuatu mengenai buli, sama ada mereka telah mempelajarinya di sekolah atau di luar, namun kadangkala orang dewasa mungkin kurang memahami tentang buli atau tidak mengambilnya dengan serius. Jelaskan bahawa buli adalah salah satu bentuk keganasan dan hari ini anda akan mengkaji semula apa itu buli, jenis-jenis buli, dan tindakan yang boleh diambil jika mengalami atau menyaksikan perbuatan buli. (2 minit)

Langkah 2

Pertama, tayangkan video AMAZE selama 2 1/2 minit bertajuk

Apa Itu Buli?:

<https://rb.gy/5u1mg0>.


Setelah tayangan video selesai, ajukan soalan jika ada pelajar yang mempunyai sebarang pertanyaan. Kemudian katakan, "Video ini membantu kita memahami lebih lanjut tentang buli, dimulakan dengan memberitahu kita bahawa buli ialah tingkah laku yang menyakitkan, merosakkan, atau memalukan seseorang." Semasa anda berkongsi mengenai definisi ini, tuliskan di papan hitam. Dan katakan "Video ini juga menyatakan beberapa jenis buli. Boleh sesiapa ingatkan saya tentang jenis-jenis buli yang telah dinyatakan tadi?" Tanyakan dengan lebih lanjut mengenai jenis-jenis buli dan contoh untuk setiap satu:

- Buli aktif, termasuk, buli fizikal seperti menolak, menendang, menjatuhkan atau merosakkan harta benda.
- Buli lisan seperti memanggil nama, menghina atau mengejek.
- Buli pasif seperti sengaja mengabaikan seseorang dan tidak mengajak mereka menyertai aktiviti.
- Buli siber seperti hantaran mesej, emel atau catatan, gambar atau rakaman yang menyakitkan dan kesat atau sengaja mengecualikan orang lain secara dalam talian.

Semasa pelajar berkongsi tentang jenis-jenis buli yang mereka ketahui, tuliskan jawapan mereka di papan hitam. (8 minit)



Nota untuk Guru: Dalam beberapa situasi, pelajar mungkin menggunakan bahasa atau jenaka yang tidak sesuai. Jika perkara ini berlaku, hentikan situasi tersebut, minta pelajar berhenti, dan tangani tingkah laku yang tidak sesuai itu dengan pelajar berkenaan selepas kelas.



APA ITU BULI?

amaze Pendidikan Seksualiti
Rancangan Pengajaran

Langkah 3

Seterusnya, tanyakan kepada pelajar, "Mengapa seseorang membuli orang lain?" Setelah memberi peluang kepada pelajar untuk merenung dan memberi jawapan, jelaskan bahawa pembuli mencari cara untuk mengawal orang lain untuk memperlihatkan diri mereka lebih berkuasa (jika tiada jawapan daripada pelajar). Sebagai akibat, perasaan mangsa buli akan terluka dan menyebabkan kecederaan emosi dan fizikal, dan kecederaan emosi dan fizikal.

Kemudian, susun pelajar dalam kumpulan yang terdiri daripada 3 atau 4 orang dan berikan setiap kumpulan satu salinan Lembaran Kerja Pelajar: Contoh Buli. Jelaskan bahawa di satu sisi terdapat lakaran seorang perempuan dan di sisi yang lain lakaran seorang lelaki. Minta pelajar menyenaraikan contoh-contoh buli untuk setiap lakaran berdasarkan apa yang telah dikenal pasti sebelum ini atau yang dilihat dalam video. Pada bahagian dalam lakaran badan tersebut, minta mereka menulis semua perasaan yang mungkin dialami oleh mangsa buli — "Bagaimana perasaan seseorang apabila dibuli?"

Minta setiap kumpulan berkongsi pemerhatian mereka hasil daripada latihan ini. Beri arahan kepada pelajar agar perbincangan ini digunakan untuk membandingkan pengalaman buli dialami setiap pelajar lelaki atau perempuan.

Ajukan soalan-soalan berikut:

- Bagaimana perasaan anda melakukan aktiviti ini?
- Apakah cara-cara seseorang boleh mengalami buli?
- Adakah anda perasan sebarang corak dalam cara orang mengalami buli?
- Apakah persamaan atau perbezaan bagi perempuan, lelaki dan orang berlainan gender?

(20 minit)

Kemudian, lukiskan satu jadual di papan hitam dengan dua lajur dan dua kategori di bahagian atas:

Apa yang anda boleh lakukan jika dibuli?	Apa yang anda boleh lakukan untuk memberi sokongan kepada mangsa buli?

APA ITU BULI?

amaze Pendidikan Seksualiti
Rancangan Pengajaran

Terangkan bahawa sekarang setelah anda berbincang tentang jenis-jenis buli dan bagaimana orang mungkin mengalaminya, seterusnya anda akan bercakap tentang apa yang boleh dilakukan untuk menanganinya. Tanya kepada pelajar "Apa yang seseorang boleh lakukan jika mereka sedang dibuli?" Tuliskan jawapan mereka di sebelah kiri jadual. Kemudian tanyakan, "Apa yang seseorang boleh lakukan jika mereka melihat seseorang sedang dibuli?"

Tanyakan kepada pelajar:

Apa seseorang boleh lakukan untuk menyokong mangsa buli atau dibuli siber?	Apa seseorang boleh lakukan untuk menyokong mangsa buli atau dibuli siber?
<ul style="list-style-type: none">• Pandang pembuli dengan suara yang tenang dan jelas, beritahu mereka supaya berhenti.• Jika terlalu sukar atau tidak selamat untuk bercakap, bergerak dan minta bantuan.• Ceritakan kepada rakan atau cari ibu bapa, guru atau kaunselor.• Jika anda sedang dibuli siber:<ul style="list-style-type: none">• Jangan berinteraksi dengan mesej tersebut — jangan balas dan jangan hantar mesej itu kepada orang lain.• Sekat nombor tersebut di telefon bimbit anda.• Putuskan hubungan dengan pembuli di media sosial.• Kumpulkan seberapa banyak contoh buli siber yang boleh dengan menyimpan mesej, tweet, atau gambar.• Ceritakan kepada rakan atau orang dewasa yang dipercayai.	<ul style="list-style-type: none">• Tunjukkan sokongan kepada orang yang sedang dibuli dengan bersikap baik kepada mereka di hadapan pembuli.• Hentikan situasi buli dengan mengajak mangsa buli untuk melakukan sesuatu bersama anda.• Beritahu pembuli bahawa perbuatan mereka tidak boleh diterima dan minta mereka berhenti.• Beritahu guru, ibu bapa, kaunselor atau orang dewasa yang dipercayai.• Jika anda tahu seseorang sedang dibuli siber, bersikap baik kepada mereka supaya mereka tidak berasa bersendirian, galakkkan mereka untuk bercakap dengan orang dewasa yang dipercayai, dan kongsi tip seperti cara menyekat nombor, putuskan hubungan dengan pembuli, dan jangan membalas mesej.

(8 minit)

Ucapkan terima kasih kepada pelajar atas jawapan mereka. Akhiri pelajaran dengan merumuskan perkara utama dan minta pelajar mengambil beberapa minit untuk melengkapkan dan menghantar Lembaran Kerja Pelajar: Buli.

(7 minit)


Langkah 5



Nota untuk Guru: Pastikan anda memadam maklumat yang ditulis di papan hitam sebelum mengedarkan lembaran kerja.

APA ITU BULI?

amaze Pendidikan Seksualiti
Rancangan Pengajaran



RINGKASAN UTAMA:

- Buli adalah apabila seseorang menyakiti, merosakkan, atau memalukan orang lain untuk mendapatkan kuasa.
- Pengalaman buli bagi setiap orang mungkin berbeza.
- Terdapat beberapa jenis buli dan penting untuk mengenalpasti apabila buli berlaku supaya anda boleh mengambil tindakan untuk melindungi diri anda atau orang lain.
- Jika anda dibuli atau melihat seseorang dibuli, terdapat berberapa pekara yang anda boleh lakukan untuk melindungi diri atau memberi bantuan kepada orang lain.

PILIHAN UNTUK PENILAIAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN SELEPAS MENGAKHIRI PELAJARAN:

Mengedarkan Lembaran Kerja Pelajar: Buli di akhir kelas dan meminta pelajar untuk menjawab soalan-soalan tersebut dan menghantar sebelum meninggalkan kelas.

TIPS PENYESUAIAN UNTUK PENGHANTARAN MAYA


Dalam keadaan penghantaran secara maya, gunakan platform digital seperti Google Classroom atau Zoom dan catatkan respons pelajar di papan hitam maya. Pelajar boleh dibahagikan kepada kumpulan maya untuk bekerja dalam kumpulan mengenai contoh-contoh buli dalam dokumen Google yang dikongsi atau Jamboard.

KERJA RUMAH (jika ada)

Tiada


Lembaran Kerja Pelajar:

Contoh Buli



Lembaran Kerja Pelajar:

Contoh Buli



Lembaran Kerja Pelajar: Buli

Nama:

Tarikh:

Arahan: Sila jawab soalan di bawah dan hantar lembaran ini sebelum meninggalkan kelas.

1. Apa itu buli?

2. Tandakan tiga jenis buli:

- | | | |
|-------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Buli aktif | <input type="checkbox"/> Buli tinggi | <input type="checkbox"/> Buli rendah |
| <input type="checkbox"/> Buli siber | <input type="checkbox"/> Buli pasif | <input type="checkbox"/> Buli baru |

3. Apakah satu perkara yang anda boleh lakukan jika dibuli?

4. Apakah satu perkara yang anda boleh lakukan jika ternampak seseorang dibuli?